

## **Golongan ekstrem tidak harus dibenar terbit pandangan di 'online'**

***Berita Harian***, 29 March 2019

SEBAHAGIAN besar orang ramai rata-rata berpendapat golongan pelampau atau ekstrem tidak seharusnya dibenarkan mengadakan perjumpaan melibatkan orang awam untuk meluahkan atau menerbitkan pandangan mereka secara dalam talian.

Institut Kajian Dasar (IPS) berkata ini kerana ia memberi isyarat jelas bahawa kebanyakan rakyat Singapura merasakan bahawa individu terlibat tidak seharusnya diberi kebebasan untuk menyebarkan pandangan mereka dalam suasana berbilang agama dan berbilang budaya yang menjadi tanggungjawab keharmonian sosial di sini.

Dalam kertas kerja berjudul Agama di Singapura: Lingkungan Awam dan Privet, IPS menyatakan lebih 73 peratus responden melahirkan pandangan sedemikian rupa.

Dapatan kertas kerja itu menunjukkan 27.5 peratus Muslim dan 25.3 peratus responden tidak mempunyai pegangan agama, cenderung untuk menyatakan bahawa individu sedemikian seharusnya atau mungkin dibolehkan mengadakan perjumpaan melibatkan orang awam.

"Namun, dalam kebanyakan kes, majoriti responden daripada semua latar belakang agama menyatakan bahawa mereka mungkin atau tidak akan sama sekali membenarkan pelampau agama diberi kebebasan sedemikian rupa," kata IPS.

Dari segi peringkat umur, responden muda lebih cenderung bersikap terbuka kepada pelampau agama mengadakan perjumpaan dengan orang awam atau melahirkan pandangan mereka secara dalam talian.

Malah, lebih sepertiga daripada mereka yang berumur antara 18 dengan 25 tahun berkata bahawa mereka mungkin atau pasti membenarkan individu sedemikian mengadakan perjumpaan umum, manakala 45.6 peratus responden berpandangan serupa terhadap golongan pelampau agama itu meluahkan pandangan mereka secara dalam talian.